

Headline	Ketepikan agenda politik		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	12 Nov 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	31	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	356 cm <sup>2</sup>
Journalist	Saifullah Ahmad	AdValue	RM 7,547
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,641



# Ketepikan agenda politik

**Semua pihak perlu tumpu usaha membantu rakyat**

SAIFULLAH AHMAD

SERI ISKANDAR

**S**emua pihak dalam Pakatan Harapan (PH) Perak digesa mengetepikan kepentingan peribadi dan agenda politik masing-masing dalam memastikan pentadbiran kerajaan Perak berjalan lancar.

Exco Kemudahan Awam, Infrastruktur, Pertanian dan Perlادangan, Datuk Abdul Yunus Jamhari berkata, tumpuan ha-

rus diberikan terhadap usaha membantu rakyat.

Menurutnya, semua Exco kerajaan Perak bersama Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu bekerja dengan baik untuk memastikan pentadbiran berjalan lancar.

"Kita di Perak ini sejak tahun 2008, latar belakang politiknya sama sehingga sekarang. Baik PH, Pakatan Rakyat dan Barisan Nasional (BN).

Sejak tiga PRU (Pilihan Raya Umum) lalu kemenangan itu sangat tipis. Oleh kerana itu, banyak pihak mengambil kesempatan meningkatkan keadaan tidak menentu.

"Harapan saya, kita ketepikan kepentingan peribadi dan agenda politik pihak tertentu. Kita fokus untuk membela rakyat dan kita mahukan kestabilan politik di Perak," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Perasmian New Breed Marketing Entrepreneur (NBME) anjuran FAMA



Abdul Yunus melihat produk inovasi yang dihasilkan pelajar UiTM Cawangan Perak ketika merasmikan New Breed Marketing Entrepreneur (NBME) anjuran FAMA Perak di Seri Iskandar semalam.

Perak di UiTM Cawangan Perak di sini semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas penularan video Ahmad Faizal mengatakan beliau berser-

orang melawan DAP dalam usaha membantu agama dan bangsa Melayu di Perak.

Abdul Yunus berkata, mandat yang diberikan

rakyat pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) lalu tidak harus disia-siakan.

Ditanya mengenai hubungan antara ahli-ahli Exco Kerajaan Perak yang lain beliau berkata, semua dalam keadaan baik.

"Kerjasama Exco kerajaan Perak sejak penubuhan kerajaan selepas PRU14 yang lepas saya rasa tak ada masalah. Kita bekerjasama dengan baik.

"Setiap minggu tanpa gagal kita mengadakan mesyuarat Exco Kerajaan Perak berjalan dengan baik. Mungkin video itu jadi isu sebab bahang Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjung Piai," katanya.

Sebelum ini, video berdurasi 6.26 minit yang tular itu mencetuskan kontroversi selain mendapat perhatian pimpinan utama PH.